



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 04/06

PEDULI VETERAN MADANI TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN PERINGKAT DAERAH SANDAKAN, SABAH

1. **SANDAKAN, 16 Jun 2024** - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah melaksanakan **Program Peduli Veteran Madani (PVM)** di lokaliti sekitar Sandakan, Sabah bersama Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) pada hari ini. Program ini merupakan salah satu fokus MADANI Kementerian Pertahanan dalam menyantuni selain memastikan agenda kebijakan Veteran dan tanggungannya sentiasa diutamakan.
2. Secara keseluruhan, pada sesi PVM kali ini, YB Adly telah menyantuni **9 orang Veteran ATM** termasuk balu dan waris. Disamping bertanya khabar, lawatan kebijakan ini telah menjadi medium interaksi buat YB Adly menyampaikan maklumat serta sumbangan Bakul Makanan dan keperluan peralatan kesihatan kepada Veteran yang diziarahi.
3. Lawatan keusahawanan pula telah diadakan keatas **5 orang usahawan Veteran ATM**. YB Adly berbesar hati menyampaikan insentif bantuan PVM iaitu *industrial electronic oven* dan sumbangan pasir halus kepada 2 orang usahawan, yang mana masing-masing berkecimpung dalam bidang perniagaan makanan serta pengusaha gelanggang silat. Inisiatif seperti ini telah berjaya membuka ruang buat Kementerian Pertahanan untuk terus menzahirkan sokongan kepada usahawan selain menawarkan insentif serta mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka melalui platform media sosial JHEV ATM.
4. Mendukung teras ke-6 Dasar MADANI iaitu 'Insan', Kerajaan komited meningkatkan peruntukan JHEV ATM dari RM118 juta kepada RM244 juta pada tahun 2024. Peningkatan yang begitu ketara ini mampu memberi manfaat yang lebih luas kepada Veteran ATM.
5. Bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin, veteran ATM disaran untuk mendaftar dengan JHEV ATM serta persatuan-persatuan di lokaliti masing-masing. Veteran juga disaran untuk mengemaskini maklumat semasa melalui sistem VIBES 2.0. Ini bagi memastikan semua Skim Bantuan yang disediakan oleh JHEV ATM seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam dapat disalurkan kepada veteran yang berkelayakan secara teratur dan efektif.

6. Pada tahun ini, kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 juta. Sehingga 31 Mei 2024, seramai 29,247 veteran telah menerima faedah ini.
7. Inisiatif PVM bertindak sebagai medan untuk interaksi secara dua hala antara Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM melibatkan 5 fokus utama iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan, dan pemerkasaan ekonomi veteran. PVM akan terus menjadi platform Kementerian untuk menyampaikan sumbangan kebajikan dan insentif keusahawanan kepada Veteran ATM yang memerlukan sebagai galakan untuk memperkasakan sosioekonomi mereka.
8. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PVM menerusi kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi-agensi yang berkaitan melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.
9. Program lawatan ini turut diiringi oleh Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Sabah, Pegawai JHEV Pusat serta wakil persatuan-persatuan Veteran ATM sekitar lokaliti berhampiran. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi **Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM, Encik Muhammad Izzat Siraj bin Mohd Iyas Zainal Ravi** ditalian **017-965 3755**.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 16 Jun 2024